

601:  
MAHATHIR-PEGAWAI

1976

KUALA TRENGGANU, 6 JUN (BERNAMA) -- KERAJAAN PUSAT AKAN BERUSAHA UNTUK MEMINJAMKAN PEGAWAI-PEGAWAINYA KEPADA NEGERI-NEGERI YANG KEKURANGAN PEGAWAI UNTUK MELAKSANAKAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA PERKHIDMATAN NASIHAT JUGA BOLEH DIADAKAM

KATANYA, UNIT PERANCANG EKONOMI MUNGKIN AKAN MENGADAKAN CAWANGAN-CAWANGANNYA DI PERINGKAT NEGERI BAGI MEMBERI NASIHAT KEPAKARAN DALAM PENYUSUNAN DAN PERLAKSANAAN RANCANGAN-RANCANGAN ITU.

BENBNMIPXN/-(87-4 08 '8,8 8-48 8,8 '3)30-' .3)-2-5  
NEGERI INI SELAMA DUA HARI, DR. MAHATHIR MENSIFATKAN KEKURANGAN PEGAWAI DI PERINGKAT NEGERI SEBAGAI SATU PERKARA YANG MENGKHUATIRKAN.

KATANYA, KERAJAAN MERANCANG AKAN MEMBERI TUMPUAN KEPADA NEGERI-NEGERI YANG KURANG MAJU SEPERTI TRENGGANU DAN KELANTAN TETAPI NEGERI-NEGERI ITU MENGHADAPI KEKURANGAN PEGAWAI-PEGAWAI. -- BERSAMBUNG 2011/LK

602:  
MAHATHIR -PEGAWAI 2 KUALA TRENGGANU

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA AKAN DITUMPUKAN KEPADA PROJEK-PROJEK YANG MENDATANGKAN FAEDAH TERUS KEPADA RAKYAT.

INI TERMASUKLAH MENAMBAHKAN BEKALAN LETRIK DAN AIR KE KAWASAN LUARBANDAR, PEMBINAAN JETI-JETI UNTUK NELAYAN DAN LAIN-LAIN RANCANGAN DI BAWAH FELDA DAN RISDA.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MENYATAKAN BAHAWA KAJIAN MASIH DIJALANKAN MENGENAI PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH PEPERIKSAAN STP/HSC SEBAGAI PERSEDIAAN PELAJAR MASUK KE UNIVERSITI.

KATANYA, BANYAK PENDAPAT YANG BERBELAH BAGI TELAH DIKEMUKAKAN MENGENAI PERKARA INI TERMASUK PENDAPAT YANG MENYATAKAN BAHAWA PEPERIKSAAN ITU TIDAK MUSTAHAK KERANA MEREKA YANG TIDAK LULUS PEPERIKSAAN ITUPUN BOLEH MASUK KE UNIVERSITI. --BERSAMBUNG 2013/LK 249

603:  
MAHATHIR-PEGAWAI 3 KUALA TRENGGANU

OLEH ITU, KATANYA, PERKARA ITU PERLU DIKAJI DENGAN TELITI DAN IA BOLEH DIMANSUHKAN SEKIRANYA RAMAI ORANG YANG MAHU BEGITU.

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA MATA PELAJARAN PERDAGANGAN AKAN DITAMBAH DAN CARA PENYAMPAIANNYA AKAN DIUBAHSUAIKAN.

INI BERTUJUAN UNTUK MEMBERIKAN PENGETAHUAN PERDAGANGAN DENGAN LEBIH BERKESAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR BUMIPUTRA.

BELIAU MENEKANKAN PENTINGNYA BUMIPUTRA MEMPUNYAI PENGETAHUAN YANG LUAS TENTANG PENGURUSAN UNTUK MENJAMIN KEJAYAAN MEREKA DI BIDANG PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN. --BERNAMA 2016/LK